# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 48 | RABU 29HB. NOBEMBER, 1978. | رابو 28 ذوالحجة 1398 | PERCHUMA


## MAJLIS MASHUARAT NEGERI BERSIDANG 6HB. DISEMBER

# D.Y.M.M. RASMIKAN SIDANG M.M.N.

***LEBEH SATU RIBU JUTA RINGGIT PERBELANJAAN DI-UNTOKKAN UNTOK NEGARA TAHUN DEPAN***

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan berangkat merasmikan sidang Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) bagi musim permashuaratan yang ke-16 yang akan berlangsong di-Dewan Majlis pada hari Rabu 6hb Disember ini.



YB. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

Istiadat pembukaan rasmi itu akan bermula pada pukol 8.15 pagi apabila semua jemputan dan ketua2 jabatan mula hadhir.

Sementara menunggu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dewan akan bersidang bagi membetulkan minit2 mashuarat yang lalu dan sa-lepas itu sidang akan di-tanggohkan bagi menunggu keberangkatan tiba Baginda.

Baginda Yang Dipertuan di-jadualkan berangkat tiba ka-Dewan Majlis pada pukol 9.30 pagi dan sebaik2 sahaja keberangkatan tiba Baginda itu, Baginda akan menerima tabek Kehormatan Diraja dan sa-terus-nya di-junjong untok memereksa Barisan Kehormatan yang terdiri dari anggota Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Istiadat pagi itu akan di-hadhiri oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg Arthur Watson; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM; Yang Teramat Mulia Wazir2; Yang Amat Mulia Cheteria2; Yang Dimuliakan Pehin2; Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Kanan Kerajaan serta jemputan2 khas.



YB. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara.

Sa-belum membuka dengan rasmi-nya persidangan itu nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan melafadzkan titah. Kandongan titah itu biasa-nya akan di-binchangkan oleh Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri atas usol dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei.

Agenda yang akan mengambil tempat utama dalam permashuaratan itu nanti ia-lah untok melulus-kan anggaran perbelanjaan Kerajaan bagi perkhidmatan sepanjang tahun 1979 yang di-anggarkan lebeh dari satu ribu juta ringgit.

Rang Undang2 Belanjawan itu akan di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Dato Laila Utama Awg John Lee.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara juga akan menghadapkan Undang2 Perbekalan Tambahan tahun 1977-1978.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara itu juga akan mengemukakan satu ketetapan untok mengeluarkan wang sa-jumlah kira2 satu ratus lapan puloh tiga juta ringgit untok membiayai perbelanjaan ranchangan2 kemajuan tahun 1979.

Selain dari itu persidangan tersebut akan juga membinchangkan beberapa rang undang2 terutama-nya Undang2 Penyalah-gunaan Dadah yang akan di-kemukakan oleh Yang Berhormat Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Lain2 rang undang2 yang akan di-binchangkan untok di-luluskan oleh Majlis ia-lah Pindaan Undang2 Lalu-lintas Jalanraya yang akan di-usolkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Awg Mohammad bin Haji Daud; Rang Undang2 Pengesahan Surat2 Wasiat dan Pentadbiran Pusaka (Pindaan) oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dan Rang Undang2 Kesalahan2 Kechil (Pindaan) yang merupakan usol dari Yang Berhormat Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abbas, Peguam Negara Brunei.



YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa.



YB. Dato Dr. Haji Johar.

Lihat muka 16

## SELAMAT TUNAIKAN HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah bersama 14 orang jemaah haji yang lain telah selamat pulang ka-tanah ayer malam Khamis lepas, sa-telah menunaikan fardhu haji di-Mekah.

*Turut* serta dalam rombongan Diraja itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pe-

Lihat muka 16

## *Tindakan kapada tuan2 punya barang*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah, Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah mengeluarkan satu kenyataan terhadap barang2 yang tersimpan dalam gudang2 kastam yang tidak di-ambil oleh tuan2 punya barang2 itu dalam tempoh enam bulan dan akan di-jual dengan chara lelong kapada orang ramai.

Barang2 tersebut akan di-lelong pada satu tarikh dan di-satu tempat yang akan di-nyatakan sa-lepas tamat tempoh 14 hari dari tarikh kenyataan itu di-keluarkan.

Pengawal Kastam dan Bea itu mengambil tindakan tersebut di-bawah kuat-kuasa Undang2 Kastam 1954 cheraian 2 atau 3 dari Bab 67 undang2 tersebut dan tuan2 punya barang itu telah tidak membayar sewa gudang mengikut chara yang di-tentukan oleh Bab 65 dari undang2 tersebut.

Senarai jenis barang2 dan nama2 sharikat atau tuan2 punya barang2 yang berkenaan itu di-siarkan di-muka 15.

## *Seminar "Kepner Tregoe" berakhir*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, Khamis lalu telah menyampaikan sijil2 kapada sa-ramai 20 orang Ketua2 dan Timbalan Ketua2 Pejabat, Jabatan2 Kerajaan sa-bagai menandakan berakhir-nya satu seminar empat hari mereka yang telah berlangsong di-Pusat Latehan Jabatan Perjawatan di-Jalan Kumbang Pasang di-sini.

Seminar yang di-kenali dengan nama 'KEPNER TREGOE' itu telah bermula pada Isnin lalu dan di-kendalikan oleh Awang Larry Wallace, Ketua Jabatan Latehan, Sharikat Minyak Shell Brunei. Ianya ada-lah mengandongi prinsip2 analisa masaalah, membuat keputusan dan analisa masaalah yang mungkin berlaku berasaskan konsep yang di-chiptakan oleh Doktor Charles Kepner dan Doktor Ben Tregoe yang kedua2-nya pernah menjadi pegawai2 di-RAND Corporation di-Amerika Sharikat.



KELIHATAN YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sedang menyampaikan sijil penyertaan kapada YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris.

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

29HB NOBEMBER, 1978

## HARI PELAJAR CHABARAN SEMUA PEHAK

HARI PELAJAR yang sering di-adakan dan di-sambut di-semua sekolah seluroh negeri pada sa-tiap tahun sejak sekian lama ada-lah merupakan suatu bentok tradisi perayaan yang pada lazimnya di-ertikan sa-bagai suatu masa atau saat pada menilai, mengkaji dan membinchang akan kemajuan dan kemundoran pelajaran anak2 di-sepanjang persekolahan yang di-lalui-nya oleh kebanyakan ibu-bapa atau penjaga malah masharakat kita sendiri.

Sudah jelas bahawa Hari Pelajar yang di-adakan sa-tahun sekali itu ada-lah di-anggap sa-bagai satu2-nya hari terbuka yang merupakan peluang tertentu bagi ibu-bapa atau penjaga untok melihat dan bertanya2 akan kemajuan pelajaran anak2 mereka kapada guru atau pehak sekolah di-mana anak mereka itu belajar.

Dalam hal ini, hal ehwal pelajaran anak2 yang di-perolehi di-sekolah bukan semata2 tertaklok dalam pengetahuan dan tunjok ajar para guru sahaja, malah ibu-bapa atau penjaga perlu memberikan suatu bimbingan dan bantuan yang lebeh berkesan lagi agar apa yang di-kaut oleh anak2 mereka di-sekolah saban hari tidak hanya akan tinggal di-sekolah, tetapi ia-nya akan terus di-talaah dan di-ulang di-rumah pada masa2 yang terluang atau tertentu.

Jika-lah maseh terdapat pehak ibu-bapa atau penjaga yang bersikap negitif tentang mengetahui terus-menerus tentang perkembangan pelajaran anak2 mereka, kita yakin hasrat kita untok menyempurnakan jenerasi muda hari ini sa-bagai sa-buah jenerasi yang penoh berilmu dan berpengetahuan pupus untok membangun bangsa dan kemajuan negara di-hari muka tidak akan menchapai hasil yang sa-patut-nya.

Satu hal yang mudah kita perhatikan dan terdapat dalam kalangan ibu-bapa atau penjaga bahawa sekolah sa-olah2 merupakan satu tempat tertutop apabila selesai sahaja mereka menghantar anak2 di-waktu permulaan bersekolah di-awal tahun dan jarang2 terdapat yang mereka akan terus berhubong dengan guru atau pehak sekolah untok mengetahui itu ini mengenai pelajaran anak2 mereka sepanjang persekolahan itu.

Umpama-nya apabila selesai sahaja satu2 pepereksaan penggal, tentu-nya pehak guru akan merekodkan kemajuan pelajaran yang di-perolehi oleh murid2-nya ka-dalam buku rekod kemajuan pelajaran dan buku tersebut akan di-bawa ka-pengetahuan ibu-bapa atau penjaga di-rumah. Dalam hal ini ada ibu-bapa yang tidak tahu untok apa buku berkenaan di-bawa ka-pengetahuan mereka, malah mereka akan bersikap sa-olah2 terpukau melihat markah2 yang di-perolehi oleh anak2 mereka samada lulus atau gagal, lantas tanpa di-sedari atau mungkin di-sedari akan bersahaja menurunkan tanda-tangan tanpa membuat perkiraan untok membuat langkah yang bijak pada membaiki pelajaran si-anak, kira-nya anak itu gagal atau memberangsangkan lagi kira-nya anak itu menchapai kejayaan. Sikap saperti ini boleh-lah kita sifatkan sa-bagai 'tolak tangga berayun kaki' atau menyerahkan anak2 mereka kapada 'untong sabut timbul dan untong batu tenggelam'.

Justeru itu penegasan yang telah di-buat oleh Dato Setia Awang Abdul Rahman di-hari pembukaan rasmi hari pelajar tahun ini yang berthemakan PELAJARAN PENANAMAN MODAL NEGARA yang memerlukan persafahaman, kesanggupan dan ketabahan pada memberikan sumbangan dan kebaktian dalam menjadikan semua kemudahan penanaman modal di-bidang pelajaran itu untok mendapat hasil yang sebanyak2-nya bagi kepentingan negara dan bangsa ada-lah merupakan suatu chabaran ka-atas sa-tiap tanggong-jawab dan peranan ibu-bapa, penjaga, guru dan masharakat seluroh-nya.

Dan mudah2an suasana hari pelajar yang sedang ranchak di-susun ketika ini akan benar2 memberikan suatu erti yang baik kapada sa-tiap ibu-bapa dan penjaga, lebeh2 lagi saat ini sekolah dalam perchutian, tentu-nya masa anak2 yang penoh berada di-rumah dan dalam kelingahan ibu-bapa atau penjaga tidak akan terbiar begitu sahaja malah laksanakan-lah peranan ibu-bapa atau penjaga dalam mengepalai anak2 awda mentelaah pelajaran mereka, sebab selesai perchutian ini mereka akan menghadapi pepereksaan akhir penggal.



**KELIHATAN penuntut2 sedang di-tunjokkan oleh Awang Tamit bin Nudin, Pembantu Teknik Jabatan Ukor, mengenai chara merantai dengan menggunakan alat 'Theodolite' dan sa-utas rantai yang di-buat daripada pita besi waja yang besar-nya 1.59mm dan panjang-nya 110 meter yang di-tarek kapada satu tegangan 5km dengan menggunakan imbangan spring.**

## *Penuntut Teknikal lawat Jabatan Ukor*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sa-puloh dari enam-belas orang penuntut yang kini sedang mengikuti kursus Ukor Tanah di-Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara telah mengadakan satu lawatan sambil belajar sa-lama sa-hari ka-Jabatan Ukor di-sini minggu lalu.

Penuntut2 tersebut telah di-ketuai oleh guru mereka Awang Column Wilson. Mereka merupakan penuntut2 pengambilan pertama kursus tersebut mula di-perkenalkan dan di-ajarkan di-Pusat Latehan tersebut pada bulan Jun tahun lalu.

Lawatan mereka pada hari itu telah bermula dengan satu taklimat mengenai tugas2 dan pentadbiran Jabatan Ukor oleh Pegawai Latehan Jabatan Ukor, Awang Md Taib bin Haji Mohd Said sa-belum di-bawa melawat sambil memerhati di-tiga bahagian pengendalian tugas jabatan tersebut.

Sa-lepas menerima taklimat, mereka telah di-bawa meninjau ka-Bahagian Penghitongan (Pengiraan) jabatan itu di-mana mereka telah di-tunjokkan bagaimana sudut2 dan haluan2 yang telah di-bacha di-luar di-selaraskan dan bagaimana jarak2 yang telah di-ukor itu di-kira untok mendapat jarak ufuk atau 'horizontal distance' yang sa-benar-nya.

Yang menarek perhatian penuntut di-bahagian itu ia-lah satu alat pengira jenis Hewlett Packard 9820A yang boleh membuat pengiraan Kodinet2 bagi tiap2 satu Tanda Ukoran di-samping mengira keluasan satu keping tanah dan lain2 serta boleh memelot atau melukis keping tanah yang berkenaan ka-satu sekil yang sesuai dengan menggunakan masa yang pendek.

Mereka kemudian-nya di-bawa melawat ka-Bahagian Pelurikan dan telah melihat bagaimana Peta Penerangan atau pelan yang di-gunakan oleh Juru2 Ukor sa-bagai panduan untok melaksanakan kerja2 pengukoran di-sediakan dengan mengikut kehendak2 bentok tanah atau bentok pemechahan yang telah di-benarkan oleh Pehak Berkuasa Kawalan Pechahan Tanah.

Di-bahagian itu juga mereka telah di-perlihatkan chara2 membuat pelan2 tanah dan juga bagaimana kedudokan tanah di-Lambaran Ukor Kadastral. Mereka juga memerhati bagaimana geran2 tanah di-buat di-samping melihat bagaimana rekod2 pengukoran saperti Buku2 Ukoran, Pelan2, Kertas Pengiraan, Peta serta lain2 rekod yang mustahak di-simpan di-dalam Bilek Kebal dengan selamat dan terator.

Mereka sa-terus-nya telah di-bawa memerhati ka-Bahagian Pemetaan untok meninjau bagaimana tugas2 di-ketiga2 yunit di-bahagian tersebut di-laksanakan. Ini termasok-lah kerja2 melukis peta dari gambar2 muka bumi yang di-ambil dari udara dengan menggunakan alat pemelot photogrammetric yang berharga kira2 sa-tengah juta.

Di-samping itu mereka telah juga di-tunjokkan bagaimana segala keterangan atau butir2 untok lukisan yang hendak di-jadikan peta di-susun dan di-kumpolkan di-Unit Katographic. Sementara itu di-Unit Reprographic mereka berkesempatan pula melihat bagaimana proses pengambaran bagi lukisan yang di-sediakan untok peta di-lakukan.

Kemunchak bagi lawatan tersebut, pada sa-belah petang-nya mereka telah di-bawa menyaksikan dengan lebeh dekat lagi bagaimana kerja2 pengukoran dengan mengunakan alat2 tertentu oleh pegawai2 dan pekerja2 ukor. Ini termasok-lah chara2 penggunaan 'Theodolite', alat yang di-pakai untok menilek atau membacha sudut2 dan haluan.

Mereka juga telah di-tunjokkan bagaimana menyukat jarak dari satu batu sempadan ka-batu sempadan yang lain dengan menggunakan sa-utas rantai yang berukoran link atau meter dan juga bagaimana mengukor satu jarak dengan menggunakan alat Distomat ia-itu alat pengukor jarak elektronik, yang boleh menghasilkan satu2 penyukatan jarak dalam masa yang pendek dan boleh menyukat sa-jauh 1000 meter.

Dalam temuramah dengan Pegawai Latehan Jabatan Ukor, Pelita telah di-fahamkan mulai dari Rabu lalu lapan orang dari penuntut yang telah mengadakan lawatan, saperti yang di-atorkan telah pun menerima tunjok ajar dengan chara mengikuti latehan2 pratikal bersama kaki-tangan jabatan tersebut. Lapan orang lagi di-jangka mengikuti latehan serupa hari ini dan ia-nya akan berterusan sa-chara bergilir2 sehingga-lah penuntut2 tersebut menamatkan kursus mereka pada pertengahan tahun depan.



**GAMBAR di-atas ini ia-lah Distomat, ia-itu alat pengukor jarak elektronik yang boleh menghasilkan satu2 penyukatan jarak dalam masa yang pendek dan boleh menyukat sa-jauh 1000 meter.**



**KELIHATAN penuntut di-tunjokkan chara menggunakan alat pengira elektronik jenis Hewlett Packand oleh Awangku Abdul Rahim Pg Alliuddin, sa-orang Penghitong. Di-kiri sekali kelihatan Awang Abdul Wahab Sulaiman, Ketua Penghitong.**

# FISHERIES DEPARTMENT RESEARCH VESSEL COMMENCES OPERATIONS

The following is a press release on the research vessel issued by Director of Fisheries, Mr. R. W. Beales.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Fisheries Department's new research and training vessel, the K/P LUMBA-LUMBA, which arrived in Brunei in early September, is now operational after a period of reinstatement and preparation for her new role in the development of the State's offshore fisheries resources.

The K/P LUMBA-LUMBA is a steel, 50 ft. stern fisher which started life as a successful commercial trawler on the southwest coast of England. She was launched in January 1976 and was purchased on behalf of the Brunei Government by the Industrial Development Unit of the White Fish Authority (a UK Statutory body) who are acting as technical consultants to the Brunei Government. In addition to procuring the vessel, the White Fish Authority have supervised the modification and re-equipping of the ship to the requirements of the Fisheries Department. The total cost of the ship has been in the region of $900,000 complete with all equipment and fishing gear.

The White Fish Authority have also seconded Shipper Mervyn F Hough to Brunei for a period of two years to command the vessel. In addition to many years experience as one of the top commercial fishing skippers out of the fishing port of Hull in the UK, he has had experience in tropical fisheries development projects in Mauritius, Brazil and Saudi Arabia. He will be responsible for the operation of the ship, and for carrying out training schemes for departmental staff and for commercial fishermen.

The ship is specially equipped for operation in Brunei waters with a variety of modern fishing gear and associated deck machinery, and is fitted with sophisticated electronic fish detection, navigation and communications equipment. The design of the fishing gear, especially that of the bottom trawls has been determined by the nature of the sea bed off Brunei's coast. In addition to bottom trawling, the K/P LUMBA-LUMBA is equipped for midwater (pelagic) trawling, gill netting, trammel netting, long lining and trapping.

In order to achieve maximum sea time, a research vessel must have access to export maintenance technicians, and the Fisheries Department is fortunate to have the technical support of the 1st Flotilla of the Royal Brunei Malay Regiment in this respect.

With the exception of the captain, the ship's crew will be composed entirely of Brunei citizens, six of whom have already undergone basic training on the ship on short daily training cruises. The regular complement of the ship for survey cruises will comprise the captain, a scientist/recorder, an engineer, a cook/fisherman and two fishermen. Later a trainee counterpart masterfisherman will be recruited locally to understudy Skipper Hough, with a view to his eventually taking over command of the ship.

In addition to the regular crew, provision will be made to accommodate trainees/observers from the local fishing community.

The primary objective of the Fisheries Department in operating the research vessel is to carry out a fisheries resources appraisal programme in Brunei's coastal waters out to a depth of 100 fathoms, in order to locate and evaluate the extent and abundance of marine resources, and to experiment with various types of fishing gear and techniques with a view to developing and introducing those most appropriate for use by Brunei fishermen.

It is hoped that as a result of such surveys and experimental work, that a potential for increased production will be demonstrated, and that Brunei fishermen will come forward for training in the use of modern gear and techniques to exploit any such potential. The establishment of an offshore fleet will clearly require considerable investment, and the work of the Fisheries Department will, it is hoped, enable potential investors to make wise investment decisions.

It is considered important that data and information arising from the surveys should be made freely available without delay to the persons it can best assist, and it will be the policy of the Department to disseminate such information on a continuous basis to the fishing community where it is considered that it would contribute to the development of the fishery or to the livelihood and wellbeing of individual fishermen or of fishermen's organisations.

Training is of course, one of the most important aspects of the programme, and will run concurrently with the survey work. Secondary, but important objectives will include the collection of oceanographic and biological data relevant to fisheries development and management, and the investigation of possible limiting factors that might be imposed on marine fisheries development by ongoing oil and gas extraction operations.

The initial programme for the vessel will be to survey areas accessible from its base at Muara on a daily basis. As the survey develops and the crew become more experienced, the ship's voyages will be extended to three nights away from base, enabling all areas out to the 100 fathom isobath to be covered.

A Fisheries Field Station is now being established at Muara on a site formerly occupied by the 1st Flotilla RBMR. This will act as a back-up facility for the research vessel and will consist of laboratories, stores, offices and a workshop. The building, which is to cost $150,000 will be ready for occupation early in the new year. As a second phase to this project it is proposed to establish a fishermen's training unit where meetings and courses of practical instruction can take place.



A scene aboard the K/P LUMBA-LUMBA.



PEHIN Dato Hussin presenting Awang Abdul Rahman the Rotary Club's donation which was earlier handed over by the club president, Mr. C. V. Subramaniam (centre).

# MORE DONATIONS FOR FIRE VICTIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — A fire victim, Awang Abdul Rahman bin Ismail whose house at Kampong Anggerek Desa just outside here was destroyed by a blaze a few months ago has received three more donations amounting to nearly three thousand dollars.

The money was handed over to the Director of Welfare, Youth and Sports Department, Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein who is also the Chairman of the Brunei National Welfare Body at a ceremony held at his office here last week.

Of the sum, $2,246 was donated by the Hong Kong judges who visited Brunei recently, members of the Local Bar, Judiciary and Legal Department, which was handed over by the Chief Registrar of the Supreme Court, Mr. Charlie Foo Chee Tung; $300.00 came from the Rotary Club, which was handed over by its president, Mr. C. V. Subramaniam; and $129.00 from the staff of the Immigration Department here.

# Football seminar ends

BANDAR SERI BEGAWAN. — Forty-nine people had a taste of expert tuition in coaching, administration and refereeing during a week-long football seminar which ended at the Youth Centre here last Saturday.

Three experts from Britain — Howard Wilkinson on coaching, Glen Kirton on administration and Kenneth Ridden on refereeing — conducted the seminar which was part of a two-year world football development programme of the Federation of International Football Association FIFA.

Of the participants, twenty-one were on coaching, fifteen on administration and thirteen on refereeing.

The seminar, which was declared open by the Vice President of the Brunei Amateur Football Association, BAFA, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, was sponsored by the Coca-Cola Company and organised by BAFA.



DURING a press conference at the Youth Centre from left to right: Mr. Ridden, Mr. Kirton, Mr. Wilkinson and the National Coach, Mr. Duncan McDowell.

# Military exercise

BANDAR SERI BEGAWAN. — A massive military exercise involving the Royal Brunei Malay Regiment and the 10th Princess Mary's Own Gurkha Rifles is currently being held in the State.

The Gurkha Rifles are acting as the enemy throughout the two-week exercise which started on Sunday.

During the exercise ground troops, the First Flotilla and Air Wing are being mobilised along the areas covering the beach within three miles inland from Anduki to Muara, the Brunei Bay, Tutong, Temburong and Ulu Belait.

Explosives and blank ammunition are used and the public is advised not to be alarmed to see troops movement during the period of the exercise.

However, they are advised to report any damage to property caused by the exercise to the regiment.

# Physical instruction exams

BERAKAS CAMP. — Nineteen physical instructors from all units of the Royal Brunei Malay Regiment took part in two-day practical examinations held here last week.

The exams were conducted by two instructors from the Hong Kong Adventure Training School.

They covered various games and sporting events like volleyball, swimming, physical fitness and boxing.

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ.ABD AZIZ JUNED

### Siri kelima-belas

# LAGI MENGENAI QADIANI

DALAM tahun 1902, Mirza Ghulam Ahmad telah menerbitkan sa-buah majalah yang di-beri nama *UGAMA2* — dalam dua bahasa: Urdu dan Inggeris. Tujuan pokok majalah ini ia-lah memperkenal dan mengembangkan lagi Qadianism, kerana itu-lah sa-tengah2 dari artikal dalam majalah ini di-tulis sendiri oleh Mirza Ghulam Ahmad.

Ada anggapan yang menuduh orang2 Islam sangat keras dan tidak mempunyai timbang rasa sedikit pun terhadap orang2 Qadiani. Dalam hal ini tidak berbangkit masaalah *keras* atau *lembut*, tetapi ini masaalah *riddah*, masaalah murtad. Hukum murtad dalam Islam ada-lah jelas: *Wajib taubat, atau di-minta taubat, dan jika tidak mahu, bunoh* (lihat Bughyatul Mustarshidin m.s. 248 dan 249). Sementara dalam fatwa Mufti Kerajaan Brunei Bil: (116) Dalam M. K. B. 31/1967 bertarikh 28hb Zulqa'edah 1398 bersamaan 30hb Oktober, 1978 muka surat 14 antara lain:

"*. . . Dan wajib ia menyesal akan tiap2 dari perkara yang menjadikan ia kufur dan murtad itu, dan wajib ia berazam akan tiada mengulang semula saperti perkara yang telah menjadikan ia kufur dan riddah itu, dan wajib ia qadzakan sembahyang atau puasa atau lain2 ibadat yang wajib pada shara' yang telah luput dalam masa ia murtad itu, dan jika ia tiada bertaubat, wajib diatas Raja menyuroh ia bertaubat, dan tiada di-terima daripada-nya melainkan masok Islam semula atau menerima hukuman bunoh daripada Raja . . .*"

Demikian-lah berat-nya hukum murtad itu. Dan tentu juga tuan telah ambil ingatan dari peristiwa di-zaman Khalifah Syedina Abu Bakar As-Seddiq. Mula2 lagi beliau menjadi khalifah, langkah pertama yang di-ambil-nya ia-lah memerangi orang2 murtad dengan harta dan usaha-nya, dengan tidak mengira berapa jua besar pengorbanan yang mesti di-berikan dalam perjuangan ini.

Mengapa-kah demikian itu yang sa-mesti-nya? Mari kita jawab sa-chara tidak terikat, ia-itu: Sebab soal aqidah atau soal ugama ini ada-lah soal penting, soal yang paling menentukan dari segala2-nya. Sa-orang yang murtad, bermakna dalam diri-nya telah terjadi suatu pemberontakan besar, yang mengikis langis segala perasaan patoh dan hormat terhadap ugama, terhadap undang2 Allah. Apa-kah yang akan berlaku jika undang2 Allah tidak lagi dihiraukan? Ini-lah puncha benchana dan malapetaka. Tuan akan saksikan, bahawa krisis hidup pasti terjadi. Mula2 ia mungkin menimpa individu yang berkenaan, tetapi kemudian pasti melarat jadi *krisis sosial dan negara.* Ini ada-lah perkara terang, tidak memerlukan ulasan panjang lebar. Oleh itu, bilamana kita menginginkan umat yang baik, yang berjasa kapada negara, maka wajib-lah kesuchian Islam itu di-jaga dengan *tidak ada tolak ansor sedikit pun.* Kawal dan lindongi ia dari di-nodai oleh orang2 yang tidak bertanggong-jawab. *Jadikan ugama Islam itu bahagian dari jiwa kita, supaya ia dapat pula menjiwai hidup ini dalam semua lapangannya. Tidak runtoh umat jika kubu-nya tebal, dan kubu yang tebal itu ia-lah "keredhaan Allah", sedang kemurkaan-Nya pula puncha benchana dan malapetaka.*

Tuan sudah berguru kapada sejarah, tentang berapa banyak umat yang besar2, yang hingga hari ini tinggal nama atau kesannya sahaja. Umat2 itu juga berkeadaan saperti kita: Makan, minum, tidor, bekerja dan berjuang untok hidup (bahkan mereka lebeh gagah2, kuat dan panjang umor-nya). Tetapi oleh kerana durhaka yang berterusan kapada Allah dan rasul-Nya, maka nekmat hidup dan rahmat pemberian itu di-tarek balek oleh Allah dengan berbagai2 chara penyiksaan yang pedeh dan mengerikan. Kita bacha Ayat2 dalam *Surah Hud.* Kita akan berjumpa rangkaian kesah Nabi Allah Noh dan kaum-nya. Dari usia 40 tahun hingga 950 tahun mengikut sa-tengah pendapat, Baginda mengembangkan ugama Allah, tetapi orang2 tidak mahu tundok, bahkan membenchi-nya. Hanya sedikit, ya sedikit benar sahaja yang mengikut-nya.

Lalu sa-sudah sampai masa-nya, turun-lah siksa Allah kapada mereka yang durhaka itu, dengan tidak pandang bulu. Kechuali Nabi dan pengikut2 Baginda yang setia telah diselamatkan dari azab ini. Siapa sahaja selain itu, tidak akan tertolong, hatta anak kandong Rasul itu sendiri. Siapa-kah yang tidak sayangkan anak-nya? Dan kerana itu pula Nabi Allah Noh bermunajat (lihat *Surah Hud* ayat 45), erti-nya: "*Kemudian Noh berseru kapada Tuhannya: Ya Allah! Sesunggoh-nya anak-ku itu adalah keluarga-ku, dan memang janji-Mu ada-lah benar, sesunggoh-nya Engkau-lah sa-adil2 Hakim yang memberikan hukuman.*" Menjawab Allah (lihat pula surah yang sama ayat 46), erti-nya: "*Wahai Noh! Sesunggoh-nya ia (anak-mu) itu bukan dari ahli-mu, sebab amal-nya yang tidak baik. Oleh kerana itu jangan-lah engkau meminta kapada-Ku apa yang engkau tidak tahu. Aku memberi nasehat kapada-mu supaya engkau tidak jadi orang2 yang bodoh.*"

Kemudian menyusol Nabi Hud Alaihissalam di-utus kapada kaum-nya yang bernama '*Ad.* Mereka ini kuat2 dan mempunyai tuboh badan yang besar2. Mereka mempunyai kebun2 yang luas dan subor. Kekayaan mereka tidak ada banding-nya, mereka mampu dan sanggup mengadakan tempat2 kediaman yang chantek2. Tetapi mereka kufur dan durhaka. Dalam nada yang amat sayu, Nabi Allah Hud merayu sambil memberikan ingatan: *Wahai kaum-ku! Saya tidaklah meminta upah daripada kamu. Sesunggoh-nya memang tidak siapa yang memberi upah kapada saya, melainkan Allah. Apa-kah kamu tidak memikirkan-nya?*" (Lihat Surah Hud ayat 51). Seru-nya lagi: "*Minta ampun-lah kapada Tuhanmu, dan bertaubat-lah, neschaya Dia menurunkan hujan yang lebat dari langit dan menambahkan lagi kekuatan kamu. Sebab itu jangan-lah kamu berpaling, nanti kamu berdosa*" (Lihat surah yang sama ayat 52).

Saperti kaum Nabi Noh, kaum ini juga tidak kurang degil-nya. Mereka engkar dan terus saja melakukan durhaka. Hal ini tidak berlaku sa-tahun dua, bahkan beratus tahun. Kerana itu-lah kejahatan mereka sa-hingga chukop benar masak, dan sifat takbor mereka tidak dapat di-ubah oleh sa-siapa-pun lagi. Maka, akhir-nya hanya laknat Allah jua, mula2 dengan melihatkan garis hitam yang ganjil di-langit, yang mendorong mereka semua-nya keluar dari rumah untok melihat-nya. Mereka menyangka itu-lah tanda hari akan hujan untok menyiram tanam2an serta memberikan minuman kapada binatang2 ternak mereka. Tetapi rupa2-nya itu-lah dia 'azab Allah. Langit yang hitam tadi lalu memuntahkan angin yang amat dahshat yang luar biasa hebat-nya, menerbangkan apa sahaja yang ada. Melihat ini mereka lari bertempiaran melindongkan diri, tetapi betapakan manusia dan binatang tidak berhamboran, sedang batu2 dan gunong2 pun hanchor. Ribut ini berlaku dan menyapu berseh kaum yang durhaka itu sa-lama tujoh malam lapan hari, saperti di-sebut oleh Al-Kor'an (Surah Al-Haqqah ayat 6 dan 7) ertinya: "*Adapun kaum 'Ad telah di-binasakan dengan angin yang sangat keras dan dingin, di-timpakan kapada mereka tujoh malam lapan hari tidak putus2. Maka kelihatan-lah mereka bergelimpangan mati saperti batang korma yang telah roboh. Habis binasa semua-nya kerana kedurhakaan mereka jua.*"

Kemudian menyusol pula kesah umat *Thamud.* Kapada mereka ini di-utus sa-orang Rasul bernama Nabi Salleh 'Alaihissalam. Mereka ada-lah satu umat yang kaya raya, senang lenang dan bahagia. Tetapi penyakit lama umat2 yang terdahulu juga ada pada mereka. Mereka lupa kapada Allah, kerana itu lama kelamaan mereka semakin jahat dan sombong.

Allah Maha Adil dan mengetahui segala hikmat perbuatan-Nya sendiri, lalu Dia turunkan 'azab memusnahkan kaum yang durhaka ini — 'azab berupa petir menyambar mereka sahingga musnah dan mati semua-nya (lihat Surah Al-A'raf ayat 78). Ada Ulama berpendapat bahawa siksa atau 'azab itu berupa gempa bumi yang dahshat, sa-hingga mereka semua-nya mati di-dalam rumah masing2. Wallahu a'lam.

Saya tidak akan meneruskan tulisan ini dengan menyebut beberapa kesah yang lain lagi. Chukop-lah sa-takat itu. Tetapi yang mustahak mengapa saya sebut kesah2 di-atas, ada-lah untok bandingan tentang adanya *sifat2 degil* yang tidak mahu tundok kapada kebenaran dan hak oleh puak2 atau golongan dalam zaman kita hari ini, saperti antara-nya golongan Qadiani yang sesat itu. Jika kita amati benar2, dari segi sifat mereka yang keras dan degil mendakwakan kepalsuan2, maka terang-lah tidak ada ubahnya dengan sikap umat2 dalam kesah2 tadi. Mereka bongkak, takbor dan degil. Sa-bagai mithal kesombongan orang2 Qadiani itu, ia-lah apabila mereka tidak mengaku yang Nabi Muhammad sa-bagai Nabi akhir zaman, dan juga pengakuan mereka terhadap Mirza Ghulam Ahmad sa-bagai Nabi dan bahkan mendakwa ia-nya ada-lah lebeh utama dari para Nabi dan Rasul2 di-zaman silam itu, dan lebeh bongkak lagi mendakwa juga diri-nya (Mirza Ghulam Ahmad) lebeh utama dari Nabi Muhammad s.a.w. sendiri (lihat buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* m.s. 22, 23 dan 24 karangan oleh kumpolan Ulama2 Pakistan yang di-taujihkan oleh Al-Muhaddith Al-Kabir Fadzilah Al-Sheikh Yussof Al-Banwari).

* * *

Pembacha yang di-hormati! Berbalek kita lagi kapada riwayat Qadiani.

Dalam tahun 1902, berbangkit dari tulisan2 Mirza Ghulam Ahmad yang melimparkan tudohan2 palsu terhadap sa-orang yang bernama As-Syed Karimuddin, maka orang ini telah membawa-nya ka-tengah, ka-Mahkamah dalam wilayah *Jhelum* di-Pakistan. Tetapi Mahkamah telah membebaskan Mirza Ghulam Ahmad kemudian-nya.

Dalam tahun 1903, sekali lagi Mirza Ghulam Ahmad menulis sa-buah artikal menudoh As-Syed Karimuddin sa-bagai pembohong besar. Buat kali kedua-nya orang ini mendakwa-nya pula sa-bagai membuat tudohan palsu terhadap-nya. Dakwaan di-terima dan di-bawa ka-Mahkamah dalam wilayah *Jaipur.* Keputusan Mahkamah telah mendenda Mirza Ghulam Ahmad sa-banyak 500 Rupees. Tetapi Mirza telah memohon ulang bichara dan permohonan-nya itu di-terima dan di-bicharakan pula oleh Mahkamah *di-Amritsar* dengan sa-orang hakim Inggeris. Keputusan Mahkamah ia-lah membatalkan keputusan awal tadi dan membebaskan Mirza Ghulam Ahmad tanpa sharat.

(Bersambong)

# IBADAT HAJI TANAMKAN SEMANGAT CHINTA KAPADA ALLAH

**Bingkisan minggu ini**

SA-TIAP UMAT Islam yang belum lagi mengerjakan Ibadat Haji, akan merasakan sesuatu kekurangan dalam ugama-nya, lantas ia berchita-chita, kalau di-izinkan Allah, esok, lusa, atau suatu masa yang sengkat, dia akan berkunjong ka-Tanah Suchi Mekah dan menunaikan Haji-nya. Sebab itu-lah sering kita mendengar sa-tengah2 orang, bila telah lanjut usia-nya, ia akan segera mengadai harta benda-nya, atau menjual tanah ladang-nya semata-mata kerana hendak menunaikan Fardhu Haji, walaupun dari segi hukom Shara' dia tidak wajib berbuat demikian.

Bagi mereka yang berkuasa untok menunaikan Ibadat Haji ini, sepatut-nya-lah tidak akan melengah-lengahkan-nya lagi, kerana telah terang dan jelas tentang s u r o h a n Allah s.w.t. bagi mereka ini. Ini dapat di-buktikan dengan Firman-Nya dalam Surah Al-Imran potongan ayat 97 yang maksud-nya kira2: *"Tuhan mewajibkan ka-atas manusia mengunjongi Rumah Suchi (Baitullah) kerana mengerjakan Haji bagi orang2 yang berkuasa mengadakan perjalanan kapada-nya".*

Dengan mengunjongi ka-Baitullah dan mengerjakan amalan2 Haji itu dengan baik dan sempurna, maka genap-lah sudah rukun yang terakhir rukun2 Islam yang lima, yang mana selalu-nya rukun2 ini di-tunaikan sesudah rukun2 yang lain. Ini ada-lah di-sebabkan rukun yang lain itu boleh di-tunaikan di-mana saja, kechuali Ibadat Haji saja yang mesti di-tunaikan di-tempat2 yang tertentu di-Mekah Al-Mukarramah.

Pernah terdengar oleh kita dari orang2 yang pernah menunaikan Fardhu Haji bahawa; mereka berchita-chita untok mengerjakan Ibadat tersebut buat kali kedua, ketiga dan sa-terus-nya, dengan azam yang lebeh kuat lagi. Ini sa-olah-olah rindu mereka pada kekaseh mereka itu tidak chukop dengan sakali atau dua kali kunjongan saja. Apa-tah lagi kalau chinta atau kaseh mereka itu ada-lah chinta dan kaseh yang benar2 telah mengenal Tuhan-nya dengan hakikat pengenalan, dan diri mereka telah terlalu rapat berdamping dengan-Nya. Sebab itu-lah sa-tengah2 Arif mengatakan; mereka itu di-durongkan Allah pintu berkunjong menunaikan Haji. Demikian-lah gambaran mereka yang terpikat dengan penoh chinta dan chita-chita walau pun terkadang-kadang tidak terdaya untok sampai ka-sana. Tentu-nya tidak ada suatu chinta yang sama dengan chinta serupa ini dan tidak ada satu chita-chita yang melebehi chita-chita serupa ini.

Jadi, ada-lah amat rugi bagi siapa yang telah chukop semua sharat2-nya, melengah-lengah dan melambat-lambatkan-nya kapada masa yang lain. Malah ada-lah baik di-tunaikan dengan segera pada peluang pertama yang kita perolehi. Mana-lah tahu barangkali, jika kita menanggohkan-nya nanti, tiba2 timbul sesuatu halangan pula, saperti jatoh sakit, chedera ataupun duit simpanan yang kita peruntokkan untok tujuan itu telah habis, dan sebagai-nya. Oleh sebab itu kita akan rugi di-akhirat nanti. Hari yang tiada berguna harta-benda yang kita terlalu sebok mengumpolkan-nya di-dunia, kerana kita tidak akan terlepas dari kemurkaan Allah s.w.t.

Dalam perkara ini, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang maksud-nya kira2: *"Sesiapa yang mati, sedangkan dia tidak menunaikan haji-nya (pada hal dia telah berkuasa), maka pileh-lah ia mati sa-bagai Yahudi, atau Nasrani atau Majusi".*

Tentu-nya kita tidak akan ingin mati sebagaimana yang di-sifatkan oleh Hadith tersebut. Oleh yang demikian hendak-lah kita membuat perhitungan tentang diri kita di-dunia ini, sa-belum di-jalankan perhitungan ka-atas diri kita pula di-akhirat kelak.







JEMAAH2 haji kita tahun ini telah selamat pulang ka-tanah ayer sa-telah sempurna mengerjakan ibadat haji dalam beberapa rombongan penerbangan menerusi Singapura dari Jeddah.

Penerbangan jemaah2 haji kita itu yang berjumlah sa-ramai 518 orang dengan menaiki kapal terbang sewa khas dari Sharikat Penerbangan China ada-lah merupakan kumpolan yang kedua ramai-nya sejak tahun 1973 yang berjumlah sa-ramai 662 orang. Dan dari jumlah 518 orang itu chuma dua orang sahaja jemaah kita yang telah kembali karahmatullah ia-itu Allahyarhammah Dyg. Tinggal bte Nayan berusia 66 tahun dari Kampong Batang Tuau, Temburong dan Allahyarham Awg. Othman bin Jalil berumor 69 tahun dari Kampong Labi, Ulu Belait.

Gambar2 yang di-siarkan minggu ini kelihatan sa-bahagian dari para jemaah yang telah selamat pulang menerusi salah satu penerbangan dari Singapura di-Lapangan Terbang Antarabangsa baru2 ini. Mereka telah di-sambut oleh beribu2 orang sanak saudara dan pegawai2 kanan kerajaan.

# Sambutan Awal Muharam 1399 Hijrah

SATU sambutan awal tahun baru Islam akan di-adakan pada 1hb Disember, 1978 bermula jam 8.30 malam, bertempat di-Dewan Raya Radio dan Talivishen, Brunei.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail akan merasmikan majlis tersebut.

Sambutan tahun ini berthemakan: "KEIMANAN PELITA HIDUP" yang akan di-isikan dengan achara2; bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan nashid. Sementara achara kemunchak-nya ia-lah peraduan kuiz ugama di-antara tiga buah maktab dan sekolah2 sa-telah di-adakan pemilehan awal dua minggu yang sudah. Maktab2 dan sekolah2 tersebut ia-lah: 1) Sekolah Menengah Melayu SMJA, 2) Maktab Melayu Paduka Seri Begawan dan 3) Maktab SOAS (J).

Juga akan turut memberikan uchapan alu2an ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb Nobember, 1978 hingga ka-hari Selasa 5hb Disember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29hb Nob. | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 30hb Nob. | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 1hb Dis. | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 2hb Dis. | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 3hb Dis. | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4hb Dis. | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 5hb Dis. | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## — RALAT —

DALAM keluaran PELITA BRUNEI, Bilangan 45, bertarikh 8hb Nobember, 1978, Muka 5, BINGKISAN MINGGU INI, ayat Al-Kor'an yang terdapat dalam ruangan lima hendak-lah di-betulkan saperti berikut: اناالله وانااليه راجعون

— Pengarang.

# Sampaikan Sijil Maktab Perguruan Ugama

SATU majlis penyampaian sijil2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan di-adakan pada 2hb Disember, 1978, jam 8.15 pagi, bertempat di-Dewan Maktab tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Laila Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud akan merasmikan majlis tersebut dan menyampaikan sijil2 kapada penuntut2 maktab itu.

Sementara di-sebelah petang-nya peraduan membacha Al-Kor'an antara maktab2 akan di-adakan di-dewan maktab tersebut.

Ia-nya akan di-rasmikan oleh Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Brunei.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei.

# GAMBAR2 DI-SEKITAR MAJLIS SAMBUTAN HARI JADI DYTM



MANAKALA gambar atas keriangan yang selalu di-lahirkan oleh DYTM itu memboktikan kemesraan yang abadi yang tidak lekang dek panas dan tak basah dek hujan di-sanubari Baginda, keadaan ini terdapat ketika DYTM itu dengan di-iringi oleh YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM di-junjong untok mendengarkan taklimat mengenai perkembangan yang telah di-chapai oleh Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB.



GAMBAR atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sambil ketawa yang mungkin di-lahirkan oleh sa-suatu yang luchu dari bisekan Pegawai Pemerentah Pasokan AMDB Brigadier Dato Norman Robert yang mengiringi Baginda ketika di-junjong untok melihat dan menyaksikan kedudokan sebelah dalam bangunan Mess Pegawai Angkatan Laut Pertama sa-telah Baginda sempurna membuka rasmi bangunan berkenaan.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan DYTM Paduka Seri Suri Begawan Raja berserta tetamu kehormat sedang dudok menantikan saat yng di-tunggu2 bagi DYTM Paduka Seri Begawan Sultan untok memotong kek Hari Jadi yang ke-62 tahun.








KEBERANGKATAN DYTM Paduka Seri Begawan Sultan ka-Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan Hari Jadi yang ke-62 tahun di-Kelab Marina Pasokan Angkatan Laut telah di-sambut (gambar atas tengah) oleh pegawai2 kanan AMDB, kelihatan Baginda sedang di-junjong (gambar atas) untok menekmati santapan.

## Menaiki tiang kapal

ACHARA menaiki tiang kapal yang di-tunjokkan oleh anggota Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB saperti kelihatan dalam gambar ada-lah merupakan salah satu pertunjokan merayakan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin yang ke-62 tahun oleh pasokan tersebut.

Mengepalai achara tersebut ia-lah L/Kopral Hamzah bin Abd Rahman dengan 20 orang anggota yang lain. Achara itu ada-lah juga merupakan yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini oleh Pasokan Angkatan Laut sempena menyambut Hari Jadi Duli Yang Teramat Mulia itu yang juga merupakan Colonel-in-Chief Pasokan AMDB.

Sejarah menaiki tiang kapal serupa itu ada-lah bermula 300 tahun yang lalu di-zaman kapal layar. Kerja2 tersebut ada-lah bertujuan untok melahirkan kechekapan anak2 kapal dalam menaikkan dan menurunkan layar2 kapal disamping untok membariskan anak2 kapal ketika mana kapal2 masok atau keluar pelabohan.





Mejor Malcolm

## Di-korniakan Pingat dan Lenchana

DUA orang pegawai AMDB yang telah menerima kornia dari DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, sebelah kanan, Lt. Zainal bin Harun telah menerima Lenchana Penerbangan manakala sebelah kiri, Mejor Malcolm Dale yang menerima kornia Pingat Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J.)



Lt. Zainal



KELIHATAN penulis sekerip 'Lambaian' Awang Sulaiman Haji Abdul Wahab sedang di-temuramah oleh wakil RTB, Awang Ali Haji Aji untok ranchangan dari Bengkel Penulis.

# "LAMBAIAN" merangkul hadiah sekerip Drama Radio yang terbaik

SEKERIP Drama Radio, 'Lambaian' hasil karya Awang Sulaiman Haji Abd Wahab, telah di-pileh sa-bagai sekerip Sandiwara Radio yang terbaik bagi bulan Oktober, 1978, dengan hadiah sa-banyak $100.00 dari RTB.

'Lambaian' mengesahkan sa-orang yang begitu jahil dalam hal ehwal Ugama Islam di-kala kesenangan mendampingi diri-nya, dan akhir-nya dia menyedari tentang hakikat Ugama itu yang sebenar-nya.

Di-samping Ismail, sa-bagai pelakun utama dalam sandiwara tersebut, penulis mengemukakan dua watak lagi yang ada hubongan-nya dengan Dakwah Islamiah, ia-itu pelakun2 Latif dan Jimmy yang pada mula-nya, mereka bertiga ini, ia-itu Ismail, Latif dan Jimmy, ada-lah semua kaki botol.

Latif dan Jimmy menyedari betapa rugi-nya di-atas perbuatan yang melanggar batas keIslaman saperti yang mereka lakukan itu.

Latif dan Jimmy insaf dan segera mengubah sikap hidup-nya untok menuju ka-jalan Allah. Dan dengan ajaran2 Islam yang maha suchi itu, Jimmy yang bukan berugama Islam, akhir-nya tertarik hati untok memelok Ugama Islam, dengan nama baru-nya Md Azmi Abdullah. Dengan kesedaran yang mendalam, Jimmy (Md Azmi) dan Latif pun tertarek hati dan bersama2 untok pergi menunaikan fardhu haji.

Ismail pelakun utama, yang bersifat degil sedikit untok menyedari hakikat yang sa-benar-nya, akhir-nya menginsafi akan diri-nya dan di-atas segala perbuatan-nya. Sandiwara tersebut di-akhiri dengan kesedaran Ismail, yang juga berniat untok menunaikan fardhu haji di-masa yang akan datang.



PERHIMPUNAN semasa Sambu
Padang Besar Bandar Seri Begaw



# "TUGAS2 PENGANGUN" dalam SERIKANDI di-samping Mari Menjahit



Dayang Salehah bte Haji Ahmad

RANCHANGAN menarek dalam Serikandi minggu ini, mengemukakan pula mengenai tugas2 PENGANGUN, sa-bagai mana yang kita maalum pengangun mengambil tempat utama dalam adat perkahwinan kita orang2 Brunei, yang juga di-panggil INDONG PENGANTIN. Untok mengetahui tugas2 pengangun ini jangan lupa mengikuti ranchangan ini nanti.

Sambil itu pada puan2 yang meminati dalam siri Mari Menjahit pula, dalam siri ketiga ini kita akan di-bawa oleh Dy Salehah untok melukis pattern di-kertas. Jadi puan2 sediakan-lah ukoran2 yang telah di-buat, bersama2 pensil, pembaris, pita dan kertas untok melukis pattern.

# SIARAN LANGSONG SA-RENTAK

RADIO dan Talivishen Brunei akan menyiarkan sa-chara langsong. (sa-rentak) achara sambutan awal tahun Islam (1hb Muharram, 1399 bersamaan 1hb Disember, 1978).

Achara sambutan tersebut akan di-mulakan pada pukol 9.00 malam sa-hingga tamat.

Achara sambutan itu termasok-lah; sharahan khas, persembahan nashid dan peraduan akhir Kuiz Ugama.

# KEBUN KITA

## KUNYIT/ LANGKUAS/ PISANG

**SAPERTI biasa, tanaman di-dalam pasu juga meliputi pokok2 kunyit dan langkuas, yang mana hasil-nya sangat di-perlukan sa-tiap hari. Bertanam saperti ini boleh di-lakukan oleh sesiapa pun asal ada kemahuan, dan tentu sekali mengelakkan kesulitan2 mendapatkan bahan2 ini bila perlu.**

**Juga dalam siri ranchangan Kebun Kita kali ini, kami telah meninjau salah sa-orang peminat ranchangan ini yang telah membuat aduan tentang kesulitan tanaman pisang. Dan untok faedah ramai, ikuti-lah tunjok chara bertanam pokok pisang.**










# SHELL GAME

SEMASA di-ambil bekerja oleh sa-buah sharikat perumahan, Max Castle (John Davidson) telah di-tudoh, dan dia telah di-dakwa dan sa-terus-nya di-hukum kerana melakukan satu jenayah, yang mana pada sa-benar-nya telah di-lakukan oleh Pengurus Penjualan yang tidak amanah dari Sharikat itu sendiri. Dia telah di-bebaskan tetapi tertaklok kapada perchubaan penahanan peguam/abang dengan sharat Castle bekerja dengan sharikat undang2 bagi satu tempoh selama lima tahun. Semasa dia bekerja di-sana, Max telah membantu sa-orang wanita yang juga telah di-tudoh menchuri derma2 wang tunai dari Persatuan Amal Antarabangsa dengan mendedahkan bahawa penchuri yang sa-benar ia-lah salah sa-orang daripada pemegang amanah tersebut.

# SHBTTC TO BE AIRBORN

**FIRST discussions were held Hassanal Bolkiah Teachers' C week to consider introducing English programmes for prese teachers and students from Ma**

**Left to right : Stewart W gramme Production Manage Dayangku Mariam, a teach for her key part in "Hot Cool Replies", Ghani bin B Principal of the Teachers' C Awang Ramlee, Malay Organiser RTB.**

K/P LUMBA-LUMBA yang merupakan nama sa-buah kapal penyelidek dan memberikan latehan yang di-punyai oleh Jabatan Perikanan yang telah sampai ka-negeri ini dalam awal bulan September yang baru lalu telah mula menjalankan perkhidmatan-nya sa-telah beberapa lama di-ubah-suai dan di-lengkapi dengan beberapa alat untok tugas-nya yang baru bagi perkembangan sumber perikanan di-kawasan luar pantai negeri ini.

Kapal tersebut yang di-perbuat dari lapisan besi waja berukoran 50 kaki panjang dan mempunyai muatan kira2 25 tan ikan telah memulakan kerja penangkapan di-pantai selatan barat England sa-telah siap dari pembenaan pada 19hb Disember, 1975 sa-bagai 'Kapal Pukat Perdagangan'.

Ia-nya telah di-lancharkan pada awal Januari, 1976 dan di-beli oleh Kerajaan Brunei menerusi Bahagian Unit Perkembangan Perusahaan Perikanan White Fish Authority (salah sa-buah Badan Berkanun dan Penasehat di-UK) yang menjadi penasehat teknikal untok melichinkan pengendalian kapal tersebut.

BERIKUT di-siarkan sa-buah artikal khas dari Jabatan Perikanan Brunei berhubong dengan kerja2 penangkapan dan penyelidekan yang mula di-jalankan oleh Kapal K/P LUMBA-LUMBA kepunyaan jabatan tersebut. Artikal ini telah di-semak dan di-ubah-suaikan untok siaran. Dengan ini Sidang Pengarang PELITA BRUNEI menguchapkan terima kaseh kapada jabatan berkenaan. — Pengarang.

# KAPAL PENYELIDEK PERIKANAN MULAKAN PERKHIDMATAN-NYA




K/P LUMBA-LUMBA dengan lima orang anak buah kapal-nya yang terdiri dari kaki-tangan Jabatan Perikanan yang menjalani latehan di-bawah tunjok ajar kaptan kapal Mervyn F. Hough (paling kiri berkacha mata) sa-belum bertolak ka-laut untok menjalankan kerja2 menangkap ikan. Kapal tersebut berlaboh di-tambatan Angkatan Laut Pertama lama.

Pehak White Fish Authority telah memberi pengawasan yang teliti pada menambah dan mengubah-suai keadaan kapal tersebut untok memenohi kehendak2 Jabatan Perikanan, dengan demikian jumlah keselurohan harga kapal itu telah di-taksir kira2 $900 ribu yang lengkap dengan alat2 saintifik dan perkakas perikanan.

Untok mengendalikan kapal berkenaan sa-telah ia di-hantar ka-negeri ini, pehak White Fish Authority telah juga memperbantukan kaptan kapal, Mervyn F. Hough untok sa-lama dua tahun. Beliau yang mempunyai pengalaman dan kechekapan dalam pengendalian kapal perdagangan ikan di-pelabohan ikan Hull, UK. pernah menjalankan tugas2 demikian dalam projek2 perikanan di-Tropika Mauritius, Brazil dan Saudi Arabia. Ia-nya bertanggong-jawab dalam pengendalian dan menjalankan sekim2 latehan untok kaki-tangan Jabatan Perikanan termasok kapada penangkap2 ikan yang menjalankan perniagaan.



BEGINI-LAH keadaan-nya pekerja2 akan melakukan pembuangan dan menarek pukat tunda yang di-lengkapkan di-Kapal K/P LUMBA-LUMBA. Pukat ini akan di-tunda antara 25 hingga 30 minit di-sepanjang pantai dengan had kelajuan 2 knot.

Kapal tersebut juga di-pasang dengan alat2 khas bagi menjalankan kerja2-nya di-perayeran Brunei termasok alat2 perikanan moden serta alat2 perhubongan saperti Radio SSB Sailor T124/R110, Radio VHF Sailor RT 114B, di-samping pemasangan alat eletronik pengesan ikan yang sofistikated dan alat2 pelayaran saperti Radar Decca D110, Sonar Simrad SL, Sounder Simrad EX38. Sounder Atlas Echograph 240 dan Auto-pilot Decca DP150. Jenis2 perkakas perikanan terutama di-bahagian bawah kapal telah juga di-ubah bagi menyesuaikan dengan lapisan ayer di-luar pantai negeri ini.

Untok menchapai paras maksima laut, sa-sebuah kapal penyelidek ikan harus mempunyai pakar2 penyelidek teknikal, dalam hal ini jabatan berkenaan amat beruntong kerana dapat bantuan teknikal dari Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB.

Kechuali kaptan kapal itu, hampir kesemua anak2 kapal-nya ada-lah terdiri dari anak tempatan yang mana enam orang dari mereka telah menjalani latehan asas di-kapal pada sa-tiap kali latehan sengkat pelayaran di-adakan.

Kaki-tangan2 yang tetap berada di-kapal ini sa-waktu menjalankan penjelajahan ada-lah terdiri dari kaptan, saintis/perakam, jurutera, tukang masak/penangkap ikan (pada masa ini tukang masak maseh belum di-perbantukan) dan juga dua orang penangkap ikan. Di-samping itu mereka yang menjalani latehan bersama dengan pakar penangkap ikan akan menjalani latehan bersama untok mempelajari 'Skipper Hough' bagi mengetahui serba sedikit chara2 mengendalikan kapal.

Sa-lain dari kaki-tangan tetap yang di-sebutkan di-atas perlantekan sementara juga boleh di-adakan sa-umpama melantek ahli2 penangkap ikan tempatan untok menjalani latehan/pemerhati.

Dasar2 objektif Jabatan Perikanan dalam menjalankan perkhidmatan kapal tersebut ada-lah antara lain bertujuan untok menyelideki sumber2 ikan dalam ranchangan negara di-kawasan perayeran sa-dalam 100 depa di-sepanjang pantai; untok menchari dan menentukan sa-banyak mana sumber perikanan laut dan untok membuat perchubaan dengan menggunakan berbagai alat dan teknik penangkapan perikanan di-samping membuat peninjauan sa-jauh mana penyesuaian perkembangan itu kapada penangkap2 ikan di-negeri ini.

Ada-lah di-harapkan dari hasil2 penyelidekan dan kerja2 perchubaan yang di-jalankan sejauh ini akan menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran ikan. Di-harapkan penangkap2 ikan di-negeri kita akan tampil untok mengikuti latehan dengan menggunakan alat dan teknik penangkapan moden untok melichinkan lagi kerja2 mereka.

Walaupun usaha mengadakan kapal luar pantai serupa itu mengkehendaki pelaboran yang sederhana namun ada-lah di-harapkan hasil2 yang di-perolehi dari usaha Jabatan Perikanan itu akan membolehkan penanam2 modal di-bidang perikanan berusaha membuat beberapa chadangan yang wajar dan berkesan lagi.

Ada-lah di-fikirkan mustahak bahawa sa-tiap butir keterangan berhubong dengan penyelidekan2 itu akan di-laporkan dengan segera kapada orang2 yang layak untok mengetahui-nya. Dan ada-lah juga menjadi kelaziman jabatan berkenaan untok melaporkan keterangan2 saperti itu kapada masharakat penangkap2 ikan yang mana ada-lah di-harapkan dapat memberikan ganjaran dalam perkembangan perikanan juga pada kehidupan sa-tiap penangkap ikan serta pertubohan2 atau sharikat2 nelayan.

Latehan2 memang merupakan salah satu aspek yang penting dalam ranchangan ini dan akan di-jalankan sa-rentak dengan kerja2 penyelidekan. Objektif kedua termasok mengumpolkan butir2 rajahlaut (oceanograph) dan kajihayat (biological) yang bersangkutan dengan perkembangan perikanan dan pengendalian-nya. Juga penyelidekan bagi faktor2 pengawalan yang mungkin di-kenakan kapada penyelidekan ikan di-laut yang boleh mengganggu kerja2 perusahaan minyak dan gas.

Ranchangan pertama yang akan di-jalankan oleh kapal K/P LUMBA-LUMBA ini ia-lah melaksanakan penyelidekan ka-atas kawasan2 yang berkenaan di-luar pelabohan-nya di-Muara. Jika kerja2 demikian berjalan lanchar dan anak2 kapal bertambah mahir, perjalanan kapal itu akan di-tambah sa-lama tiga malam di-laut untok membolehkan kesemua kawasan2 perayeran yang melebehi 100 depa dapat di-harongi.





GAMBAR atas, pukat yang di-tunda di-tarek naik dan ikan2 yang terkumpol di-bahagian unchang (chandik) di-lepaskan. Kebanyakan ikan yang terperangkap dalam pukat itu ia-lah ikan2 bilis dan sedikit2 ikan lain yang kira2 2½ hingga 3 pikul sekali tarek. Gambar sa-belah kiri, dua ekor ikan merah yang turut terperangkap di-sepanjang menunda pukat sedang di-angkat oleh pekerja2 berkenaan dalam kerja mengasingkan jenis2 ikan sa-telah pukat sempurna di-tarek dan gambar sa-belah kanan sa-telah selesai pengasingan jenis2 ikan, pekerja2 ini juga akan terus menimbang berat sa-tiap jenis ikan yang di-perolehi untok di-rekodkan. Ikan2 ini kemudian-nya akan di-jual kapada sharikat2 kerjasama nelayan di-negeri ini yang merupakan salah satu usaha Jabatan Perikanan untok menyukong usaha2 Kerajaan mengujudkan kemajuan sharikat2 kerjasama nelayan tempatan.



BELIA DAN SOKAN

# PENGALAMAN DARI BADMINTON DUNIA

**Oleh: Rahim Wali**



KELIHATAN Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan menguchapkan selamat berangkat kapada Pasokan Badminton Brunei sa-jurus sa-belum berlepas menuju Bangkok untok menyertai Perlawanan Badminton Sa-Dunia, yang baru lalu.




KELIHATAN peserta badminton dari Brunei dalam upachara perbarisan perasmian perlawanan badminton tersebut manakala gambar bawah Yang Dipertua Persatuan Badminton Brunei, Awang Haji Ja'afar sedang menyampaikan chenderamata kapada ketua perwakilan badminton Thailand.



BRUNEI hanya berjaya memasoki peringkat suku akhir dalam perlawanan Kejohanan Badminton Dunia kali pertama bahagian bergu yang berlangsong di-Bangkok, baru2 ini.

Kejayaan ini di-chapai melalui pasangan regu Brunei, Awang Mahmud dan Awang Shamsuddin apabila mereka mengalahkan Moez Alibhai dan Amjid Rasul dari Tanzania 15-9 17-14. Thailand yang telah menewaskan Kenya memberi kemenangan perchuma kapada pemain Brunei yang menyebabkan Brunei bertemu dengan Hong Kong di-peringkat suku akhir di-mana pemain2 Brunei di-tewaskan oleh pemain2 dari Hong Kong.

Satu lagi regu Brunei, Ak Ishak dan Paul Chia telah menewaskan S. Egbeyeni dan B. Badiru dari Nigeria 15-8 8-15 dan 15-11. Mereka kemudian-nya di-tewaskan oleh Thailand 15-2 15-2.

Terdahulu sebelum itu dalam perlawanan pusingan awal perseorangan lelaki, Mortaza Madahi dari Iran telah menewaskan Wahab Moksin dari Brunei 8-15 15-12 dan 15-6. Awang Mahmud yang mendapat kemenangan perchuma dari Severino S. Capiral dari Philippines telah di-tewaskan oleh Udom dari Thailand 15-6 15-2. Ak Ishak yang juga mendapat kemenangan perchuma dari Korea telah di-kalahkan oleh Han Tsien dari China 15-2 15-1. Pemain dari China ini juga mendapat Naib Johan sa-telah di-kalahkan oleh Yu Yao Tung juga dari China.

Keputusan perlawanan Kejohanan Badminton Dunia kali pertama 1978 ada-lah saperti berikut:— Perseorangan lelaki di-menangi oleh pemain dari China, bergu lelaki di-menangi oleh China, bergu wanita di-menangi oleh China, perseorangan wanita juga di-menangi oleh China dan bergu champoran di-menangi oleh Thailand.

Kira2 15 ribu orang penunton membanjiri National Gymnasium Bangkok untok menyaksikan perlawanan akhir. Hadiah2 di-sampaikan oleh Perdana Menteri Thailand, Air Chief Marshal Dawee Chullasapya yang juga Presiden WBF.

Terdahulu sa-belum itu, satu persidangan ketua2 perwakilan badminton telah mengadakan sidang-nya di-Ambassador Hotel yang membinchangkan garis2 kasar untok mempesatkan lagi kemajuan dan perkembangan badminton di-masa2 yang akan datang. Chadangan2 telah juga di-buat supaya Brunei menjadi tuan rumah dalam perlawanan Kejohanan Badminton ini di-mana nama Brunei sudah pun begitu popular di-kalangan negara2 anggota yang menjadi ahli dalam pertubohan ini.

Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei, Awang Haji Jaafar menguchapkan terima kaseh atas chadangan yang baik itu sambil menekankan bahawa Brunei baru saja mengurak langkah2 yang positif bagi perkembangan badminton di-Brunei. Bagaimana pun chadangan yang baik ini akan dapat di-fikirkan semula apabila keadaan sudah mengizinkan.

Brunei sekali lagi di-minta untok menghantar pemain2 badminton ka-Asian Games yang akan berlangsong di-Bangkok pada awal bulan depan. Awang Haji Jaafar memberi tahu bahawa beliau belum dapat memberi keputusan segera atas jemputan ini samada menerima atau tidak sa-hingga beliau mendapat keizinan dari pehak berkuasaan di-Brunei.

Presiden WBF Air Chief Marshal Dawee memberi jaminan bahawa peluang2 terus di-bukakan kapada Brunei meskipun Brunei menghantar pemain2-nya di-saat2 terakhir.

Dalam persidangan itu chadangan2 telah juga di-terima pada dasar-nya untok mengadakan lawatan ka-semua negara peserta yang di-fikirkan memerlukan bantuan jurulateh badminton. Thailand telah pun menyatakan kesanggupan-nya untok menghantar sa-orang jurulateh badminton ka-Brunei dan ini kemudian-nya di-ikuti oleh Hong Kong.

Dalam satu pertemuan lain, salah sa-orang ahli WBF memberi pandangan bahawa taraf permainan badminton Brunei boleh di-katakan sudah baik jika di-bandingkan dengan setengah2 negara di-Afrika. Hanya sedikit saja perlu di-perbaiki bagi pemain2 Brunei ia-lah dari segi taktik dan memperchepatkan lagi permainan di-samping latehan2 yang chukop mengikut jadual.

Sementara itu, pemain2 dari Iran telah menyatakan keinginan mereka untok membuat lawatan ka-Brunei di-samping mengadakan perlawanan badminton sa-chara persahabatan. Besar kemungkinan pemain2 dari Iran ini akan melawat Brunei sa-lepas menghadhiri perlawanan Asian Games di-Bangkok.

**PERSEKUTUAN BADMINTON DUNIA (WBF)**

Melalui ruangan ini perlu-lah sedikit di-terangkan kenapa di-ujudkan Persekutuan Badminton Dunia ini (World Badminton Federation).

Pada tanggal 25hb Februari, 1978 bertempat di-Miramar Hotel Hong Kong bermula-nya sejarah baru penubohan Badminton Dunia (WBF).

Penubohan Persekutuan baru ini di-asaskan dari pengalaman2 dua buah badan badminton yang sudah begitu matang yang terdiri dari Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) dan Persekutuan Badminton Asia (ABC) dan sa-bilangan besar ahli2 yang mendudoki WBF sekarang ini ada-lah juga terdiri dari IBF dan ABC.

Meskipun penubohan WBF ini mendapat tentangan dari sa-bilangan kechil negara2 dalam lingkongan IBF dan ABC namun, penubohan-nya tetap di-teruskan dan lebeh2 lagi badan baru ini mendapat sokongan yang kuat dari negara2 Afrika, China, Thailand dan Hong Kong.

Negara2 Asia yang menghadhiri penubohan badan baru WBF di-Hong Kong itu ia-lah terdiri dari Brunei, Bangladesh, China, India, Iran, Hong Kong, DPR Korea, Korea Republic, Malaysia, Nepal, Pakistan, Philippines, Singapura, Sri Lanka dan Thailand.

Negara2 Afrika ia-lah Ghana, Kenya, Mauritius, Nigeria, Tanzania dan Zambia. Negara2 pemerhati ia-lah Austria, France, Federal Republic of Germany, Sweden, Yugoslavia dan Mexico.

Presiden badan Badminton Dunia ini ia-lah Air Chief Marshal Dawee Chullasapya dari Thailand, Timbalan — Mr. Chu Tse dari China, Penolong — Police Lt. General Chumpol Lohachala dari Thailand dan Mr. R. W. W. Kente dari Afrika.

Tujuan di-tubohkan badan baru ini ia-lah untok memberi peluang lebeh ramai lagi negara2 di-seluroh dunia menyertai persekutuan baru ini dan berikhtiar untok membantu negara2 yang di-fikirkan lemah dalam bidang sokan ini. Dengan kekuatan badan ini nanti di-harapkan akan menjadi salah satu lambang mengujudkan persefahaman dan persahabatan yang lebeh kukoh di-samping meninggikan mutu sokan ini dengan chara yang lebeh meluas lagi di-kalangan negara2 anggota.



BERGAMBAR ramai sa-belum perlawanan sa-chara persahabatan dengan Kelab Badminton Bangkok, di-mulakan.

# BOLASEPAK ANTARA JABATAN2 KERAJAAN

KUALA BELAIT. — Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait (BDAFA), akan menganjorkan perlawanan bolasepak antara jabatan2 Kerajaan di-Daerah Belait, yang di-jangka akan di-mulakan pada awal bulan depan.

Menurut pehak penganjor, sa-tiap jabatan boleh menghantar dua pasokan untok perlawanan tersebut. Dan jabatan2 yang tidak chukop pemain boleh-lah bergabong dengan pemain2 dari jabatan2 lain; tetapi tidak lebeh dari empat buah jabatan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati daripada Awang Ismail Apong, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan atau Awang Mohd Salleh bin Metassan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.



# Seminar bolasepak berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seminar Bolasepak yang di-anjorkan oleh BAFA atas tajaan FIFA/Coca-Cola yang telah di-langsongkan sejak 19hb Nobember telah berakhir pada petang 25hb Nobember Sabtu lepas. Ia-nya di-hadhiri oleh lebeh 40 orang peserta jurulateh dan pengadil di-seluroh negeri termasok sa-orang peserta dari Sabah.

**GAMBAR kelihatan Awang Ridden bahagian pengadilan telah menyampaikan cheramah-nya kapada peserta dalam bahagian tersebut.**

# Mashuarat Agong Belia Sumbiling

BANDAR SERI BEGAWAN. —Mashuarat Agong Persatuan Belia Sumbiling akan di-adakan pada 3hb Disember, 1978 jam 8.30 pagi bertempat di-Dewan Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka sini. Ia-nya akan di-rasmikan oleh Y. B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain yang juga sa-laku Penasehat persatuan tersebut

Antara lain agenda mashuarat itu ia-lah memileh jawatankuasa 1978-1979 dan lain2 hal berhubong dengan kegiatan persatuan tersebut sa-panjang tahun 1979.

Pelita di-fahamkan Persatuan Belia Sumbiling telah berjaya mengadakan peraduan jalan-kaki (semi-marathon) bulan Jun lalu sempena Meluaran Putera Sulong Kebawah DYMM, sa-laku projek tahunan-nya.

Persatuan ini juga berjaya mengadakan kedai sharikat. Ranchangan tahun depan persatuan ini, berchita2 untok mengadakan lawatan ka-luar negeri.

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA



Oleh:
Stewart Wavell

**Sekarang mulakan. Perhatikan papan-chator dan awda nampak dua barisan musoh yang bersetentang.**



Rajah 1

Perhatikan buah-chator puteh. Pada sa-tiap bahagian hujong terdapat satu Tihir, satu Kuda, dan satu Gajah. Di-tengah-tengah terdapat satu Raja dan satu Menteri. Raja mempunyai Mahkota bulat, dan Menteri mahkota lunchit. Di-hadapan-nya terdapat Bidak. Susunan buah-chator hitam ada-lah sama. Dua perkara yang awda mesti ingati: Puteh selalu memulakan permainan, dan petak **puteh** mesti-lah selalu di-sebelah **kanan.**

Saya ulangi, main chator ada-lah satu pertarongan untok menang. Oleh yang demikian, sa-tiap langkah ka-depan mesti-lah di-kuasai dari sudut pertemporan. Matalamat awda dalam main chator ada-lah untok 'mensah-mat' (check-mate) Raja musoh. 'Sah-mat' erti-nya menggempor Raja itu, atau 'mengasah'-nya (check) dengan menggunakan buah-chator awda supaya Raja itu tidak memperolehi se-barang petak untok lari.



Rajah 6



Rajah 7



Rajah 8

DENGAN sedikit usaha sahaja awda dapat mem-pelajari seluroh peratoran main chator dalam masa sa-tengah jam, tetapi saya mahu awda menekmati permainan ini dari awal2 lagi, dan sa-bahagian besar keseronokan-nya terletak dalam pertemporan, oleh yang demikian awal2 lagi belajar-lah chara menye-rang dalam pelajaran per-tama. Keseronokan per-mainan ini ada-lah lebeh banyak yang awda pela-jari, lebeh banyak kesero-nokan yang awda dapat. Ia ada-lah permainan un-tok budak2 lelaki dan pe-rempuan, orang2 tua dan anak2 muda. Awda dapat menjadi pemain yang sunggoh pintar sa-masa berumor 12 tahun dan da-pat mengalahkan guru2 awda. Apabila berumor 23 tahun awda dapat menjadi juara dunia. Karpov dan Tal menjadi juara dunia pada perengkat umor itu.

## Kita sebut:



Rajah 2

Kita sebut :

**Raja (R) — King**

**Menteri (M) — Queen**

**Gajah (G) — Bishop**

**Kuda (K) — Knight**

**Tihir(T), Tir atau Rukh — Rook**

**Bidak (B) — Pawn**

Ingat, Raja Hitam tidak dapat bergerak ka-mana2 petak yang di-gempor oleh Menteri, dan juga ia tidak dapat bergerak ka-mana2 petak di-sebelah Raja la-wan. Dalam chontoh ke-dua, Raja Puteh tidak dapat 'makan' ('take') Menteri Hitam dengan alasan yang sama. Biasa-nya, satu buah-chator da-pat 'makan' buah-chator yang lain kalau buah-chator itu berada dalam satu petak yang terletak dalam garisan serangan-nya, tetapi tentu-nya per-kara itu tidak dapat di-lakukan jika buah-chator itu di-pertahankan oleh buah-chator lain yang me-nyerang petak itu.

Sekarang ini-lah masa'-alah minggu ini untok pe-main2 yang berpengalam-an.

**Masa'alah 1**

Bobby Fischer (Hitam) memaksa Letelier menye-rah kalah dengan menja-lin daya-pesona yang pa-ling kuat di-petak2 hitam. Bagaimana chara-nya?

Sa-tahun dua yang akan datang saya berharap un-tok melateh awda menjadi pemain yang berguna pa-da perengkat kelab. Di-Britain, satu hadiah £5000 telah di-tawarkan oleh Yayasan Slater kapa-da pemain British yang mula2 menjadi grand-master. Tawaran itu telah di-buat lima tahun yang lalu. Sekarang Britain mempunyai empat grand-master, banyak master an-tarabangsa, dan sa-kum-pulan besar budak sekolah yang baru2 ini di-sifatkan oleh Karpov lebeh baik daripada anak2 muda da-lam perengkat umor yang sama yang terdapat di-Soviet Union. Dengan ber-usaha dan pimpinan serta galakan yang betul, dan juga perlawanan serta ha-diah yang lebeh banyak, perkara yang sama dapat berlaku di-Brunei.

Perkara yang mula2 awda mesti lakukan ada-lah menjaga fisik awda sentiasa sihat. Kemudian bermain-lah dengan pe-main2 yang sedikit lebeh pandai daripada awda, perhatikan kesalahan2 awda, chatetkan, dan pe-lajari daripada kesalahan2 itu.

Raja bergerak ka-sebarang hala, satu petak dalam satu masa, begini:



Rajah 4



Rajah 5

## Sah mat menteri

**Menteri bergerak dalam garisan lurus ka-sebarang hala, begini:**



Rajah 3

Sekarang, dengan menggunakan Menteri dan Raja awda, chuba sah-mat Raja Hitam. Bergilir-gilir-lah melakukan-nya. Chuba gempor Raja itu ka-tepi papan-chator dengan meletakkan Menteri awda sa-baris dengan Raja musoh, de-ngan lain perkataan, **asah** (check). Raja tidak boleh ber-sentoh: mesti selalu terdapat satu petak yang memisahkan mereka. Jadi, gerakkan Raja awda, sa-petak demi sa-petak, untok mengurangkan petak2 di-mana Raja Hitam itu dapat bergerak. Bawa ia sa-makin dekat, tetapi ingat, jangan sampai bersentoh! Sa-akan-akan saperti langkah silat. Letakkan buah-chator awda di-atas papan-chator, begini:

Sekarang mulakan. Gerakkan Raja awda ka-g2. Jika Raja Hitam bergerak ka-f4, turunkan Menteri awda ka-garisan lintang kelima. Itu akan menghalang Raja Hitam bergerak ka-atas papan-chator. Bila-bila saja ia bergerak, rapati sedikit-sedikit.

Lakukan latehan ini tiga atau empat puloh kali sa-hingga awda dapat mengekang dengan chepat pergerakan Raja Hitam itu. Ini ada-lah dua sah-mat:

**GAMBAR bawah kelihatan dua orang pemain chator sedang berhati2 menghadapi lawan-nya masing2 dalam satu perlawanan kejohanan chator kanak2 berumor di-bawah 18 tahun, anjoran Persatuan Chator Negeri Brunei, sem-pena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-32 pada bulan Julai 1978 yang lalu.**



# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Penolong Pengawas di-Jabatan Penjara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M Sultan untok memenohi jawatan Penolong Pengawas di-Jabatan Penjara, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan IV dalam bahasa Inggeris dan darjah IV dalam Bahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan yang tinggi.

b) Berumor di-antara 19 dan 26 tahun.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 4 inchi.

d) Dada sekurang2-nya 34 inchi apabila tidak di-tarek nafas.

e) Tuboh badan yang sehat dan tegap.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji P. 6 — $769-838-868-888-913-938-963-988-1025-1050-1075-1100 /EB/ 1125-1150-1175-1200.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Disember, 1978.

(E/291/74 — Bil: 125/1978)

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 12th December 1978 for the :

PILING WORKS FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH, SUNGAI KEBUN, BRUNEI.

2. All tenderers will be required to show proof that they are currently registered as Class 'A' Contractors with P.W.D. Brunei.

3. Tender documents can be examined at and obtained from the office of Messrs Associated Consultants (Pte) Limited, Room 27-28, 3rd Floor, HongKong Bank Chambers, Jalan Chevalier/ Sultan, Bandar Seri Begawan, Brunei during working office hours.

4. The tender deposit required is B$1,000.00 (Dollars One Thousand only) which if in the form of a cheque, shall be crossed and made payable to Messrs Associated Consultants (Pte) Limited. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-addressed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. All tenderers are advised to obtain the tender documents as soon as possible. Documents will not be issued to any tenderer three (3) days before the closing date.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 2nd January 1979 for the construction and completion of Works comprising : —

BANGAR ARMY CAMP
PHASE III
BUILDINGS AND
ROADWORKS AND
A RIVER SQUADRON
COMPLEX
AND
REINSTATEMENT OF
THE P.W.D. SLIPWAY
AT
BANGAR, TEMBURONG
FOR
THE ROYAL BRUNEI
MALAY REGIMENT

2. Before the tender documents can be issued out, tenderers must show proof that they are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors.

3. Tender documents can be examined at and obtained from the office of the Architects:

BOOTY EDWARDS DAN
RAKAN2 AKITEK
NO. 146 JALAN
CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

from Wednesday 6th December 1978 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) which if in the form of a cheque, shall be made payable to Booty Edwards dan Rakan2. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BOOTY EDWARDS DAN
RAKAN2 AKITEK
P O Box 65
Bandar Seri Begawan
Brunei.

### TENDER NOTICE

**SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF LIFT INSTALLATION TO THE PROPOSED ROYAL BRUNEI AIRLINES NEW HANGAR**

REGISTERED Class 'A' Electrical Contractors and approved lift specialist firms are invited to submit tender for the complete supply instalation and commissioning of lift system to the proposed New Hangar, Royal Brunei Airlines.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 4th December 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of The Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon on 2nd January 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : —

TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF LIFT INSTALLATION TO THE PROPOSED ROYAL BRUNEI AIRLINES NEW HANGAR.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# BARANG2 YANG AKAN DI-LELONG

Berikut ia-lah barang2 yang tersimpan dalam Gudang2 Kastam yang tidak di-ambil dalam tempoh enam bulan dan akan di-jual dengan chara lelong kapada orang ramai :

| Jenis2 barang | Nama mengimpot atau tanda |
|---|---|
| 2 pkgs. Hanic Kerfts | Mr Doss Walter |
| 12 pcs Plastic bucket | Haji Ishak bin Md Rais |
| 1 pkg Panel | Seng Choon Hardware |
| 5 ctns tinned food | Gardenie |
| 1 pcl s/parts for Gusher (25 hand bilge pump) | State Commissioner of Police |
| 1 pcl. stimulator (simple) | Evewine Co. |
| 1 pcl printed matter | Chai Chow Leng |
| 1 pcl arm rest | Wearner Bros. |
| 1 pcl food staff simple | Moh Heng, Miri |
| 1 pcl printed matter | Chop Aik Soon |
| 1 pcl aircraft eparer | Aircraft Charter Service |
| 1 pcl simple tiles | Lotus Trading |
| 1 pcl nut | Vincent Traders |
| 1 pcl aircondition parts | Borneo Air-Condition Eng. Co. Ltd |
| 1 pcl aliminium simple | National Industries Equip. Ltd |
| 1 pcl motor car parts | Sua Si Heng |
| 1 pcl tractor parts | Econ. Equipment |
| 1 pcl curtain reel | Yong & Co |
| 1 pcl slide projector & projectors lamp | Unkown |
| 1 pcl lamp | Pacific Electrical |
| 1 pcl trade simple | Guthrie Eng. |
| 1 pcl rubber material | Unknown |
| 1 pcl glass | N.B.T. Kuala Belait |
| 1 pcl motor car spare | Unknown |
| 1 pcl patent medicine | Yun Onn Medical Hall |
| 2 pcls Electrical item | Overseas Union Bank Ltd |
| 1 pcl gear | Ocean Inchcape (Brunei) |
| 1 pcl iron tool | David Chew |
| 2 pcls spare parts | Harissons & Crosfield Brunei |
| 1 pcl medicine | Chop Bee Seng |
| 1 pcl soluble essence | Tidak Bernama |
| 1 drum Rex Oxide 5 gall | No marking |
| 3 cases Auto spare parts | K.H.N.L. Singapore |
| 1 ctn PERSIL brand washing powder | No marking |
| 27 ctns penetrant & lub. spray | No marking |
| 1 lot wire | No marking |
| 40 rolls PVC sheets | No marking |
| 1 case Ele c sewing machine motor NATIONAL brand | A.E.C. Brunei |
| 3 pcs tractor parts | No marking |
| 1 ctn cat coller Brushes & etc | B.H.T. Brunei |
| 5 pcs elect. transformer | No marking |
| 1 ctn pilot ink | The Everwin Co Brunei |
| 1 case Tarassago Strawberry | P.H.S. 'TPC' Singapore 3 |
| 1 case Red Heat Silk Mantles | 2055336 Brunei |
| 1 ctn Workman Shirt | J. K. 12019 Brunei |
| 1 case switch cleaning lub. | No marking |
| 1 case Refrigerator parts (door) | K.L.H. Brunei |
| 1 ctn Bottle flask | No marking |
| 2 cases stationery | S.T.A.R. Brunei |
| 200 bundles seagrass carpet | G.P.F. Brunei |
| 9 crates battery container | Hup Soon Battery Mfg. Co. |
| 1 lot battery plate | „ „ |
| 1 case auto spare parts (silencer) | Warner Co Brunei |
| 2 ctns lantern oil lamp | 2D048293 Sibu |
| 1 ctn plaster for concrete/wood | No marking |
| 1 ctn Purol powder | BORSUMMY Brunei |
| 2 ctns floor til | 2D054343 Brunei |
| 1 case screw | D. F. Brunei (Diary Farm) |
| 1 ctn Wooden chair | N.S.C.L. Brunei |

| Jenis2 barang | Nama mengimpot atau tanda |
|---|---|
| 5 ctns detergent powder | No marking |
| 6 boxes glass chimney | No marking |
| 1 lot air fresher | Sonic Agency Brunei |
| 1 lot toilet water tank | No marking |
| 6 ctns drawing paper | Radin & Co Brunei |
| 1 lot empty plastic bottle (for medicine) | No marking |
| 1 lot plastic toys | P.T.C. 15983 Kuching |
| 2 ctns weighing instruments (scale) | S.L.S. Kuching |
| 8 cases boh tea | L.J.J. Limbang |
| 59 ctns canned foodstuff | B.H.T.C. Brunei |
| 1 ctn sport equipment | No marking |
| 1 bundle bamboo fan (kipas) | N.C.T.C. Kuching |
| 2 crts Engine Gearbox & Acc. | No marking |
| 1 case medicine | New Asiatic Co. Sibu |
| 1 case aluminium water bottle | Water A. 3061 |
| 1 case matches for advertising | Mr Tan Kian Ann Gen United Sdn. Bhd Brunei |
| 1 ctn Brushes & etc | Mohedden 763 Singapore |
| 1 case workman trousers | J. K. 12287 Brunei |
| 5 ctns canned bamboo shoot | G.C.S. Miri |
| 1 ctn grease oil | 2968/60004/1962/AV 07 |
| 1 lot soap | No marking |
| 2 cases baby coat, blanket, glassware and kitchenware | S.M.P.T.S. Seria Brunei |
| 1 case Glaco mirror | N.A.A.F.I Brunei |
| 1 case primary chinese book | Chung Hwa Middle School Seria |
| 1 case gaharu (Indian Joss stick) | Ameen Associated |
| 1 case printing paper | S. E. Brunei |
| 2 cases ignition coil | VOLVO Brunei |
| 1 lot iron wire nail | No marking |
| 2 cases toys, table cloth, PVC towel clothing | Kee Huat |
| 1 bundle broom | No marking |
| 1 case machinery | L.S.S. Brunei |
| 1 case rubber shoes | S. W. Labuan |
| 1 case enamel mug | C.S.H. Brunei |
| 10 cases paper packing | Naval Store Yard Depot (Army) |
| 1 ctn plasticware | R.P.L. Singapore |
| 1 bag pipe fittings | No marking |
| 1 case copper pipe fittings | RAMCO JK 3329 |
| 1 pc exaust pipe | No marking |
| 1 case paper PVC bag | Diamond Shirt Specialist Brunei |
| 2 crt. A.C.Robbing | No marking |
| 1 case filing cabinet | No marking |
| 2 pcs Basin'shanks' (Badly damaged) | No marking |
| 1 case iron rods | No marking |
| 1 case Glavd. pipe | No marking |
| 50 pcs cast pipe black | No marking |
| 1 case feather remover | No marking |
| 9 pcs cast iron | No marking |
| 50 pcs cast iron black | No marking |
| 1 bundle iron rods | No marking |
| 1 case unkown | Mulia Stone Brunei |
| 1 case combustible liquid | Guthrie Brunei |
| 2 cases unknown | No marking |
| 2 cases unknown | BEPL Brunei |
| 1 case tile | No marking |
| 1 case unknown | No marking |
| 1 lot crane parts | No marking |
| 50 cases iron double decks (cases badly damaged) | A.H.H.H. |



Y.B. Pehin Dato Awang Haji Hussain.

# SELARASKAN SEMINAR DENGAN KEHENDAK2 TEMPATAN — Pehin Hussain

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain mengharapkan bahawa segala oleh2 yang peserta2 dapati semasa menghadhiri Seminar Bolasepak itu akan dapat di-selaraskan dengan kehendak2 tempatan, sejajar dengan apa yang terdapat atau di-kehendaki dalam perengkat antarabangsa.

Begitu juga segala chadangan2 dan tegoran2 yang telah di-nyatakan oleh pehak pencheramah dari FIFA itu, bukan-lah semesti-nya di-ambil tindakan atau di-praktikkan. Akan tetapi ia-nya bergantong-lah kapada keadaan dan kemajuan serta kemampuan kita, tegas Pehin Hussain, ketika merasmikan penutup Seminar Bolasepak yang di-kelolakan oleh BAFA atas tajaan FIFA/Coca-Cola, yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia sini Sabtu lepas.

Kapada semua peserta yang mengambil bahagian dalam seminar itu, Yang Berhormat itu menguchapkan sa-tinggi2 tahniah dan berharap juga seminar2 dan lain2 kegiatan seumpama itu akan sentiasa di-usahakan dari semasa ka-semasa untok menambah pengalaman anak2 tempatan dalam kejuruan bolasepak.

Kapada FIFA pula, Yang Berhormat itu berharap supaya akan sentiasa memberikan peluang kapada Brunei untok mengadakan apa juga ranchangan bolasepak bagi membimbing jurulateh, pentadbir dan pengadil bolasepak di-negeri ini untok sama2 maju dan sa-taraf dengan negara2 yang sudah membangun.

Terdahulu dari itu, dalam uchapan-nya, Yang Berhormat itu telah di-fahamkan yang seminar bolasepak itu berjalan dengan semporna. Peserta2 bukan saja di-ajar sa-chara teori tetapi juga di-tunjokkan sa-chara praktikal oleh pensharah2 dan pakar bolasepak dari FIFA.

Menurut Pehin Hussain, peluang yang di-berikan oleh FIFA/Coca-Cola kapada BAFA itu ada-lah merupakan satu keuntongan yang besar bagi menambahkan pengalaman di-bidang jurulateh, pentadbiran serta pengadilan permainan bolasepak.

Turut beruchap di-majlis penutup itu ia-lah wakil pensharah dari FIFA, Awang Glen Kirton, wakil2 bahagian pengadilan, pentadbiran dan jurulatehan.

Di-akhir upachara penutup itu juga telah di-langsongkan penyampaian sijil2 dari FIFA kapada peserta di-samping bertukar2 chenderamata. Lebeh 40 peserta menghadhiri seminar tersebut termasok sa-orang peserta dari Sabah bagi pehak SAFA.



AWANG K. Ridden, bagi pehak pensharah Seminar Bolasepak yang di-kelolakan oleh BAFA atas tajaan FIFA/Coca-Cola, sedang menyampaikan chenderamata berupa sa-biji bolasepak kapada Yang Dipertua BAFA dan juga sa-laku Pengerusi seminar tersebut, dalam satu achara penutop rasmi seminar itu.

## Rang Undang2 Lisen Rampaian

Dari muka 1

Di-samping itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei juga akan menghadapkan satu usol bagi Rang Undang2 Lisen2 Rampaian di-mashuarat tersebut.

Sidang juga akan menghadapi 32 soalan jawab mulut yang berkisar di-sekitar perkembangan negeri termasok projek2 Kerajaan yang kesemua soalan tersebut akan di-kemukakan oleh Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek.

Radio Talivishen Brunei di-jangka akan membuat liputan2 yang akan di-siarkan sa-chara langsong semasa istiadat pembukaan rasmi itu di-jalankan. RTB juga akan menyiarkan laporan di-sepanjang persidangan itu berjalan.

Dari muka 1

ngiran Anak Puteri Norain, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Mohd Yusoff serta 2 orang pegawai perubatan.

Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain2 kerabat Diraja serta pembesar2 negara.

Sementara itu, rombongan jemaah haji Brunei yang akhir sa-ramai 129 orang juga telah selamat kembali ka-tanah ayer dalam dua penerbangan malam Jumaat lepas.

## Seminar Komputer

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, telah mengadakan satu seminar Penghargaan Komputer sa-lama sa-hari Isnin lepas di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini.

Kursus tersebut di-hadhiri oleh sa-ramai 45 orang terdiri dari pegawai2 kanan Kerajaan dan di-kendalikan oleh Dayang Lem Foong Teng, dari Komputer Antarabangsa Berhad, Kuala Lumpur.

Pelita di-fahamkan tujuan seminar itu ia-lah bagi memperkenalkan peserta2 kapada pengolahan data sa-chara letronik, mengetahui apa dia Komputer, apa2-kah yang di-kandongi dalam satu Komputer dan apa yang boleh di-buat dengan-nya serta bagaimana kesan-nya kapada pentadbiran.

Seminar itu juga di-hasratkan untok mengenalkan kerja2 Komputer itu kapada pegawai2 kanan Kerajaan yang bertanggong-jawab dalam pentadbiran, yang tidak mengetahui langsong atau mempunyai pengetahuan sedikit mengenai-nya.

Sebelum seminar di-mulakan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi Brunei, Datin Hajjah Jusnani binte Hj Lawie, telah menyampaikan uchapan-nya mengenai pengenalan seminar itu.

Dari muka 1

Seminar yang telah di-adakan buat pertama kali-nya bagi pegawai2 Kerajaan itu ada-lah bertujuan untok menolong mereka bagi menggunakan teknik2 di-dalam mengenali masaalah dan juga untok memberi rangka serta untok menchari dan menyelenggarakan maklumat2 yang di-dapati serta untok membuat tujuan2 atau pun objektif2 yang terang.

Hadhir sama di-upachara pada hari itu ia-lah Pengarah Perjawatan Brunei, Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib.

Terdahulu dari itu, semasa seminar tersebut di-jalankan satu kunjongan lawatan telah juga di-lakukan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Ada-lah juga di-fahamkan pada tahun hadapan satu lagi seminar yang sama bagi 80 orang pegawai2 kanan Kerajaan yang sa-chara langsong terlibat di-dalam membuat dasar dan keputusan akan di-kendalikan.

## Persidangan Pergigian kali kedua

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Brunei, Yang Berhormat Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin menyeru orang ramai dan para ibu-bapa agar terus mengambil berat tentang kesihatan gigi anak2 mereka, kerana masaalah ke tiadaan gigi atau gigi burok boleh menjejaskan kemesraan bermasharakat.

Beruchap di-Persidangan Pergigian kali kedua di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini Jumaat yang baru lalu, Yang Berhormat menjelaskan, biarpun usaha2 yang gigih telah di-laksanakan oleh jabatan berkenaan namun ternyata kesihatan gigi di-negeri ini belum-lah begitu menggalakkan kerana orang ramai belum mengetahui sa-penoh-nya akan petua2 serta chara untok mengawal gigi dengan baik.

"Memandangkan masaalah yang sudah kita ketahui itu ada-lah sudah sewajar-nya langkah2 yang positif saperti mengadakan persidangan sa-rupa ini akan terus menerus di-usahakan demi untok membimbing para peserta persidangan ka-arah melaksanakan kempen2 pergigian untok memberikan kesedaran kapada pehak awam", tegas Yang Berhormat.

Persidangan yang di-jalankan sa-hari suntok itu telah di-sertai oleh lebeh dari sembilan puloh orang peserta. Tiga orang pakar pergigian luar dan sa-orang pakar yang sedang berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell Brunei telah memberi cheramah dan nasehat2 yang berkaitan dengan pergigian.

Cheramah (Kawalan Pergigian) telah di-sampaikan oleh Dr. Wong Hee Deong dari Singapura, aspek 'Pergigian Kanak2' oleh Dr. Lim Swee Teck juga dari Singapura dan 'Pembedahan Orthodontics' oleh Lt. Kol. Keith Lervy dari Hong Kong. Sementara di-akhir persidangan Dr. Alan Jones dari Sharikat Minyak Shell di-sini telah bercheramah tentang 'Orang2 Eskimo dan Hal2 Pergigian Mereka'.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 23hb Nobember, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ghee Guan,
   No 4, Jalan McArthur.
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   d) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   e) Hong Guan (Koon Kee) No. 10, Jalan McArthur.
3. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.
   b) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
3. KACHANG KUDA — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yun Seng Supermarket,
   No. 84, Jalan Bunga Rambai.

**SERIA**

1. UDANG KERING — $6.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
   d) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   e) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut—
   Chop Yick Heo,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

## Buku di-jual

Buku WARTA KERAJAAN, UNDANG2 TAMBAHAN BAHAGIAN I, mengenai Undang2 Galakan Pelaboran 1975 kini sedang dalam penjualan untok orang ramai dengan harga $1.75 sa-naskah. Buku tersebut boleh di-dapati di-Pejabat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Jalan McArthur Bandar Seri Begawan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.